

02 SEP 1998

Anwar-Reaksi

PEMIMPIN LAHIRKAN PELBAGAI REAKSI DENGAN PELUCUTAN JAWATAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Kalangan pemimpin negara yang dihubungi hari ini menyatakan pelbagai reaksi mengenai pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba berkata beliau berasa agak sedih dengan pelucutan jawatan itu memandangkan Anwar merupakan penggantinya.

"Saya menarik diri daripada bertanding (jawatan Timbalan Presiden Umno) pada tahun 1993 kerana saya fikir mahu memberi peluang kepada pemimpin muda mengambil-alih," katanya.

Ghafar turut menasihatkan anggota parti supaya bertenang dan menunggu penjelasan lanjut daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno mengenai perkara itu.

"Saya percaya Dr Mahathir sudah berfikir panjang sebelum membuat keputusan yang terbaik. Janganlah kerana seorang pemimpin, anggota parti berpecah," katanya ketika dihubungi melalui telefon.

Ghafar turut menyatakan perasaan terkejutnya dengan keputusan itu dan berkata bahawa beliau juga ingin tahu mengenai sebabnya.

Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik berkata beliau terperanjat dengan pengumuman berita pelucutan jawatan itu.

Mengenai kedudukan Anwar dalam parti, beliau berkata perkara itu belum diputuskan lagi.

"Jawatan dalam parti berlainan dengan jawatan dalam kabinet," kata Sabbaruddin, Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan, ketika dihubungi.

Menurutnya, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno esok akan membincangkan "perkara biasa."

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata beliau terkejut dengan oengumuman mengenai perkara itu walaupun khabar-khabar angin mengenai peletakan jawatan Anwar telah tersebar anakhir-akhir ini.

Dr Lim, Menteri Perusahaan Utama, berkata bagaimanapun adalah hak Perdana Menteri untuk melantik dan memecat seseorang menteri.

"Saya harap ini akan menghentikan penyebaran khabar-khabar angin supaya kita dapat menumpukan kepada usaha memulihkan ekonomi negara," katanya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Megat Junid Megat Ayob pula menyatakan rasa sedih beliau dengan perkembangan itu.

"Saya rasa cukup sedih kerana perkara ini berlaku terutama ketika negara sedang menghadapi kegawatan ekonomi," katanya ketika dihubungi di kediamannya.

"Ia satu kehilangan besar kerana dia seorang pemimpin berpotensi," katanya yang juga anggota MT Umno.

Bagaimanapun, beliau tidak terkejut dengan keputusan itu kerana "saya rapat dengan kedua-duanya (Dr Mahathir dan Anwar)".

Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob berkata beliau akur dengan keputusan Perdana Menteri kerana hanya Perdana Menteri sahaja yang mempunyai kuasa untuk melantik atau melucutkan jawatan anggota Kabinetnya.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata terserah kepada kebijaksanaan Perdana Menteri untuk menggunakan hak dan peruntukan yang ada untuk membuat keputusan.

"Kita perlu memberi sokongan kepada Perdana Menteri untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan kepadanya," katanya.

Anggota MT Umno, Datuk Ibrahim Ali berkata anggota Umno perlu sedar bahawa tidak ada sesiapa yang "indispensable" dan mempunyai kelebihan dalam parti untuk mengatasi undang-undang.

"Ini adalah perkara biasa yang mesti dihadapi pemimpin dan memberi pengajaran kepada pemimpin yang tidak (memimpin dengan) benar.

"Sejarah Umno telah membuktikan bahawa setiap ujian boleh diatasi. Ini bukan kali pertama pemimpin disingkir, sebelum ini juga pernah ada pemimpin yang dilucutkan dari jawatan," kata Ibrahim yang pernah berkawan rapat dengan Anwar sewaktu kedua-duanya menjadi pemimpin pelajar pada tahun 1970-an.

Kedua-dua mereka pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Kem Kemuning selama dua tahun kerana terlibat dalam tunjuk perasaan petani di Baling.

Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata parti itu menghormati keputusan Dr Mahathir.

"Kita menyokong keputusan itu kerana kita telah memilih beliau sebagai Perdana Menteri... beliau mempunyai hak untuk mengambil keputusan itu," katanya.

Dr Ling berkata tidak ada tanda-tanda semasa mesyuarat Kabinet pagi ini bahawa satu pengumuman besar akan dibuat petang ini.

Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar berkata beliau yakin Perdana Menteri mempunyai maklumat yang cukup untuk mengambil sesuatu tindakan bagi kepentingan negara.

"Saya yakin Perdana Menteri bertindak bukan mengikut emosi atau kepentingan peribadi," katanya ketika dihubungi.

Beliau berharap anggota Umno tetap menyokong tindakan Dr Mahathir mengikut keperluan dan kehendak masa.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak meminta rakyat dan anggota Umno supaya bertenang dan meletakkan kepentingan parti di atas segala-galanya.

"Saya percaya Dr Mahathir telah meneliti segala fakta secara mendalam sebelum membuat keputusan.

"Marilah kita semua memberi kepercayaan sepenuhnya dan berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan parti dan kerajaan yang dipimpin oleh Dr Mahathir," kata Najib, Naib Presiden Umno.

Katanya, beliau yakin dan percaya Perdana Menteri yang banyak pengalaman dan berwibawa akan berjaya menangani perkara itu.

Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohd Isa Samad berkata anggota-anggota Umno perlu bersifat rasional dan menerima keputusan yang dibuat.

Ketika ditemui di kediaman rasminya di Seremban malam ini, Mohd Isa yang juga Ketua Perhubungan Umno Negeri berkata Dr Mahathir pasti mempunyai sebab-sebab tertentu dalam mengambil tindakan itu.

"Kerajaan negeri menerima keputusan itu dan yakin rakyat juga dapat menerimanya. Dalam keadaan seperti ini, sokongan padu akan terus diberi pada Dr Mahathir bagi memastikan beliau dapat menjalankan tugasnya dengan baik dan tanpa halangan," katanya.

Mursyid Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berharap pelucutan jawatan Anwar tidak akan menambahkan lagi masalah kepada negara dan rakyat.

"Kita berdoa sahajalah, minta Allah selamatkan Malaysia. Kita minta agar negara tidak jadi bertambah gawat," kata Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan ketika ditemui di Kota Baharu malam ini.

Di KANGAR Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim menasihati rakyat bersabar dan menerima keputusan pelucutan jawatan Anwar dengan tenang.

Shahidan yang juga Pengerusi Barisan Nasional Perlis berharap rakyat dan anggota-anggota komponen parti itu berdiri teguh di belakang Dr

Mahathir.

Di PULAU PINANG Timbalan Pengerusi Umno Pulau Pinang Datuk Mohd Shariff Omar meminta ahli-ahli Umno Pulau Pinang supaya bertenang dan meminta mereka terus mengekalkan perpaduan dan memberi sokongan kepada Dr Mahathir.

Shariff yang juga Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang berkata Badan Perhubungan Umno negeri masih berpegang kepada pernyataan terbuka yang dibuat pada 11 Ogos lepas, menyokong kepimpinan Dr Mahathir.

Di SHAH ALAM Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar berkata beliau akur dengan keputusan itu dan meminta rakyat Selangor dan anggota Umno menerima keputusan itu dengan tenang.

Katanya memecat dan melantik anggota Kabinet adalah hak Perdana Menteri dan Dr Mahathir pasti mempunyai alasan yang kuat untuk berbuat demikian.

-- BERNAMA

TEAM OBA NMO